

**Kazakhstan Mahu Bekerjasama Dengan Malaysia Dalam Industri Angkasa  
Bernama  
10 Januari , 2012**

KUALA LUMPUR, 10 Jan (Bernama) -- Republik Kazakhstan mahu bekerjasama dengan Malaysia bagi merencanakan industri angkasa kedua-dua negara itu.

Duta Kazakhstan ke Malaysia Beibut B. Atamkulov berkata kerjasama itu juga boleh menggalakkan pertukaran teknologi dalam pelbagai bidang antara kedua-dua negara.

"Angkasawan Malaysia pertama Dr Sheikh Muszaphar Shukor berlepas ke angkasa lepas di Kazakhstan dan ini telah menjadi mercu tanda dalam industri angkasa Malaysia. Kami sedia bekerjasama dan Malaysia boleh mengambil tindakan seterusnya.

"Kami sedang bekerjasama dengan banyak negara dalam program angkasa kami, seperti mereka cipta satelit baru dengan Russia. Kami sering melihat kepada teknologi-teknologi baru di luar (menerusi pertukaran teknologi)," katanya pada sidang media mengenai perkembangan hubungan Kazakhstan-Malaysia di kedutaan republik itu di sini.

Pada 10 Okt 2007, Dr Sheikh Muszaphar berlepas ke Stesen Angkasa Antarabangsa (ISS) dari Baikonur Cosmodrome di Kazakhstan dalam satu perjanjian antara Malaysia dan Rusia.

Atamkulov berkata Kazakhstan juga bersedia bekerjasama dengan Malaysia untuk meneroka kemungkinan bagi membina loji teknologi nuklear bagi menjana elektrik.

"Seperti Malaysia, kami juga mempunyai sumber minyak dan gas tetapi pada masa akan datang, sumber-sumber tenaga ini akan berkurangan. Maka, kami membentuk satu program bagi meneroka alternatif baru bagi menjana kuasa. Nuklear adalah satu daripadanya," kata beliau.

Mengenai dagangan, Atamkulov berkata jumlah dagangan antara Kazakhstan dan Malaysia telah mencecah kira-kira RM300 juta tahun lepas.

"Barangan getah dan perabut merupakan dagangan yang paling menguntungkan antara kedua-dua negara. Pada masa depan, kami berharap untuk menggalakkan dagangan barang-barang tropika dan makanan laut. Kami juga ingin bekerjasama dengan Malaysia untuk berdagang lebih banyak makanan halal.

"Kami tidak mempunyai masalah dalam mengeluarkan makanan halal kerana majoriti penduduk kami beragama Islam dan kami kini ingin mematuhi sijil halal Malaysia," katanya.

Atamkulov berkata pada masa ini, terdapat kira-kira 60 syarikat Malaysia melabur di Kazakhstan dan menambah kata bahawa negara itu bekerjasama dengan Malaysia dalam pelbagai bidang.

"Politik, ekonomi, pendidikan, budaya dan pelancongan adalah antara beberapa bidang yang kami tinjau bagi memperkukuhkan hubungan kami dengan Malaysia. Kami telah melakukan pelbagai usaha untuk merealisasikan perkara ini.

"Ini termasuklah menambah jumlah penerbangan antara Malaysia dan Kazakhstan, meningkatkan bilangan pelajar kami di Malaysia dan banyak lagi. Kami mempunyai banyak persamaan dan persamaan ini akan membantu memperkukuhkan hubungan kedua-dua negara," kata beliau.

Mengenai pilihan raya umum Kazakhstan pada 15 Jan, Atamkulov berkata tidak mengira siapa yang memerintah negara, dasar kerjasama dengan Malaysia tidak akan terjejas.

"Malaysia telah menjadi sebuah negara popular di hati rakyat Kazakhstan. Maka, saya percaya hubungan kita tidak akan terjejas dan akan bertambah kukuh pada masa depan," kata beliau.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=639202>